

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DI
PEMBUKAAN KURSUS LATIHAN UGAMA
YANG PERTAMA BAGI RANCANGAN PELAJARAN
UGAMA DALAM RANCANGAN PELAJARAN
DEWASA DI BILIK GERAKAN NEGARA,
KUALA LUMPUR PADA 31HB MAC, 1963

Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Pelajaran Ugama, Peserta-peserta Kursus dan tuan-tuan yang hadir,

Syukur saya ke hadrat Allah Subahanahu Wataala kerana dapat hadir di sini pagi ini untuk membuka Kufsus Latihan Pelajaran Ugama dalam Rancangan Pelajaran Dewasa yang dilaksanakan oleh Kementerian ini.

Saya berasa sukacita dan gembira kerana dengan adanya Kursus Latihan ini maka sudah nyatalah ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa rancangan pelajaran ugama ini akan dapat dilaksanakan dengan licin dan baik. Saya telah diberitahu bahawa tuan-tuan yang hadir menyertai Kursus ini dipilih khas oleh Negeri-negeri dan selepas Kursus ini tuan-tuan akan balik ke Negeri masing-masing untuk mengadakan Kursus-kursus Peringkat Negeri pula, bagi guru-guru Ugama yang akan mengajar di dalam Kelas-kelas Pelajaran Dewasa.

Tuan-tuan sudah mengetahui bahawa Kerajaan Persekutuan pada hari ini sedang berikhtiar dengan seberapa daya upayanya hendak memberi satu jaminan hidup yang sepatutnya kepada tiap-tiap rakyat khususnya mereka yang tinggal di kawasan luar bandar.

Maka dalam Rancangan Pembangunan Luar Bandar yang dilaksanakan oleh Kerajaan sekarang ini pihak Kerajaan mengadakan beberapa kemudahan-kemudahan dan kesenangan-kesenangan di kampung-kampung supaya dapatlah mereka di kampung-kampung itu hidup dalam keadaan yang lebih sempurna dan lebih

senang daripada yang ada sekarang ini. Banyak kemudahan-kemudahan yang sudah disampaikan ke kampung-kampung seperti jalan-jalan raya, sekolah-sekolah, balai-balai raya, bekalan air, bekalan elektrik dan sebagainya dan banyak lagi akan disampaikan kepada mereka. Maka kesemuanya ini ialah bagi faedah penduduk-penduduk itu sendiri. Akan tetapi segala kemudahan-kemudahan dan kesenangan-kesenangan itu tidak akan dapat memberi faedah yang sepenuhnya kepada rakyat sekalian melainkan rakyat sendiri berusaha dan bertenaga untuk kebaikan mereka sendiri. Mereka mestilah ada semangat hendak berusaha, bekerja bersungguh-sungguh, bergotong-royong—berdiri di atas kakinya sendiri untuk memperbaiki keadaan hidup mereka.

Saya percaya satu jalan yang baik untuk mencapai maksud itu ialah dengan mengikuti saluran ajaran Ugama Islam kita yang maha suci. Kerana Tuhan menuntut kita supaya mengubah akan nasib kita sendiri jika kita mahukan perubahan; tidak kurang pula ajaran-ajaran Ugama kita menyuruh umat Islam menggunakan akal dengan sepenuhnya serta berusaha bersungguh-sungguh untuk hidup lebih berbahagia dan mulia di dunia dan juga di akhirat.

Bagaimana yang telah berulang-ulang kali saya sebutkan di mana-mana saya berucap berkenaan dengan Rancangan Pembangunan Luar Bandar, maka jikalau segala rancangan-rancangan itu hendak mendapat kejayaan yang penuh dan faedah yang besar mustahaklah bagi kedua-dua pihak, iaitu pihak Kerajaan dan juga pihak rakyat bersama-sama berikhtiar dan berusaha melaksanakannya. Rakyat, khasnya penduduk-penduduk di luar bandar mestilah mengubah falsafah hidup, cara berfikir dan cara-cara perusahaan sendiri sekira-kira boleh sesuai dengan peredaran zaman dan keadaan zaman Pembangunan ini.

Kursus yang kita akan adakan ini adalah satu Kursus Ugama yang bertujuan menitik-beratkan akan perkara-perkara mengenai bagaimana manusia boleh hidup berbahagia dan mulia dalam masyarakat. Dan diharapkan dengan Kursus ini juga dapat kita tanamkan kepada rakyat kita di kampung-kampung akan semangat ingin maju, sanggup bekerja dan hidup berbaik-baik di antara mereka dalam keadaan yang aman, damai dan makmur.

Patut juga saya menerangkan kepada tuan-tuan di sini iaitu Kursus Ugama yang Kementerian saya laksanakan ini adalah hasil desakan dari berbagai-bagai pihak dan dari pelajar-pelajar pelajaran dewasa yang beragama Islam sendiri. Oleh yang demikian menjadi kewajipan kepada Kementerian ini menunaikan permintaan rakyat itu dan ini adalah juga sebagai menyempurnakan hasrat Kerajaan dengan mengikut Perlembagaan iaitu Ugama Islam menjadi Ugama rasmi Persekutuan Tanah Melayu.

Alhamdulillah dalam penyusunan pelajaran Ugama dalam Kelas-kelas Dewasa ini maka dengan usaha dan kerjasama yang rapi dari ahli-ahli Jawatankuasa Kerja yang dilantik oleh Kementerian ini dan khasnya dari ahli-ahli Jawatankuasa Kecil, telahpun dapat digubal satu sukatan Pelajaran Ugama yang sesuai dengan keadaan perubahan masa dan sukatan Pelajaran Ugama itu telah diperkenankan oleh Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu serta dipersetujui oleh semua Kerajaan-kerajaan Negeri kecuali Negeri Kelantan. Maka Sukatan Pelajaran Ugama inilah diharapkan supaya dapat dijadikan panduan di dalam Kursus ini dan dalam kursus-kursus yang akan dijalankan di tiap-tiap Negeri kelak.

Di atas perkhidmatan yang berharga yang telah disumbangkan oleh ahli-ahli Jawatankuasa tersebut itu saya bagi pihak Kementerian mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih khasnya kepada ahli-ahli Jawatankuasa Kecil yang telah menggubal sukatan pelajaran itu.

Saya yakin dan percaya Kursus Ugama ini akan berjaya sebab saya mengetahui Pensyarah-pensyarahnya adalah terdiri daripada mereka yang betul-betul mahir dalam sesuatu maudhuk yang ditugaskan kepadanya. Tambahan pula mereka itulah yang telah menggubal Sukatan Pelajaran Ugama itu.

Maka saya berharap supaya tuan-tuan semua mengambil peluang ini serta cuba bersungguh-sungguh mengikuti Kursus ini supaya dapatlah dilanjutkan pula ilmu-ilmu itu dengan baiknya kepada

guru-guru yang akan mengajar Ugama di kelas-kelas pelajaran dewasa di Negeri masing-masing dan seterusnya kepada pelajar-pelajar kita yang beragama Islam itu.

Dalam hal penyelenggaraan kursus Ugama ini suka pula saya bagi pihak Kementerian ini mengucapkan berbilang terima kasih kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang telah bersama-sama mengambil berat dan mengambil tanggungjawab pada menjayakan rancangan Ugama ini. Oleh sebab Ugama adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri, iaitu mengikut Perlembagaan Negeri ini maka rancangan Pelajaran Ugama dalam Kelas-kelas Dewasa ini adalah diselenggarakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dengan kerjasama dan bantuan daripada pihak Kementerian. Tetapi dengan sebab hendak mendapatkan persamaan di dalam ajaran-ajaran Ugama dan cara penyampaiannya mengikut keadaan perubahan masa, maka Kerajaan-kerajaan Negeri telah bersetuju supaya satu Sukatan Pelajaran sahaja digunakan dan Kementerian Pembangunan Luar Bandarlah yang bertanggungjawab pada memberi latihan kepada guru-guru yang telah dipilih oleh Negeri masing-masing itu.

Tuan-tuan sekarang telah pun termasuk menjadi keluarga Pembangunan Luar Bandar ataupun keluarga Pembangunan Negara. Bersama-samalah kita menumpukan segala usaha dan tenaga untuk menjayakan rancangan Kerajaan hendak meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk di Negeri ini terutama sekali di luar-luar bandar.

Saya adalah menaruh harapan yang penuh apakala tuan-tuan semua balik ke Negeri masing-masing kelak tuan-tuan akan dapat memberi perkhidmatan yang lebih kepada kaum tuan-tuan sendiri sehingga kita dapat melihat keseluruhan orang-orang kampung kita yang beragama Islam hidup dalam satu keadaan yang lebih berbahagia di dunia dan di akhirat.

Saya harap dan berseru kepada tuan-tuan dan guru-guru Ugama yang akan mengajar di kelas-kelas dewasa itu supaya sebagai pemimpin-pemimpin di kampung-kampung berusaha memberi panduan serta memimpin penduduk-penduduk di luar bandar itu khususnya pelajar-pelajar di kelas-kelas dewasa supaya mereka itu

sedar dan faham di atas peri mustahaknya rancangan Pembangunan Luar Bandar ini dilaksanakan bagi faedah mereka itu sendiri dan untuk kemajuan Negara.

Kesedaran ini bolehlah diberikan kepada mereka itu dengan jalan memahami kesucian dan kebersihan Ugama Islam yang berkehendakkan supaya penganut-penganutnya dapat hidup dengan berbaik-baik di antara satu sama lain, tolong menolong dan berisefahaman di dalam keadaan yang aman tenteram serta makmor.

Maka dengan ini saya dengan sukacitanya mengisytiharkan Jcursus latihan Ugama ini dibuka.